



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS LIBAT URUS KEMENTERIAN DALAM NEGERI BERSAMA CENDEKIAWAN ISLAM DAN ASATIZAH

---

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) menjunjung titah YDPA Agong pada 7 Februari 2023 dan 16 Mei 2023 yang menzahirkan agar dikekalkan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa berhubung isu penggunaan kalimah “Allah” dan dasar berkenaan dipertahankan dengan tegas oleh Kerajaan. Seterusnya sempena Hari Keputeraan Rasmi YDPA Agong pada 5 Jun 2023, Baginda sekali lagi bertitah agar Kerajaan mengharmonikan situasi semasa dan pada masa yang sama meletakkan penggunaan kalimah “Allah” pada konteks yang betul dengan mengambil kira keselamatan negara dan kemaslahatan ummah serta kedudukan Baginda serta Raja-Raja Melayu yang lain sebagai Ketua Agama Islam.
2. Selaras dengan titah-titah daripada YDPA Agong, KDN mengadakan Majlis Libat Urus Kementerian Dalam Negeri Bersama Cendekiawan Islam dan Asatizah pada 8 Jun 2023 di Parlimen Malaysia yang telah dihadiri seramai 25 orang cendekiawan dan asatizah bertujuan untuk mendapatkan cadangan dan pandangan secara kolektif daripada para jemputan sebagai salah satu proses penyediaan cadangan penambahbaikan Arahan Pentadbiran berkaitan penggunaan kalimah “Allah”.
3. Dalam melaksanakan majlis tersebut, para jemputan diberikan ruang untuk mengutarakan cadangan bagi menoktahkan isu-isu berbangkit

mengenai kawalan dan penguatkuasaan penerbitan yang berkenaan di Malaysia dalam lingkungan skop mengekalkan dasar sedia ada berhubung penggunaan kalimah “Allah”. KDN turut sekali lagi memberikan penerangan terperinci mengenai pendirian dan komitmen Kerajaan dalam menyelaraskan peruntukan undang-undang Islam demi keselamatan negara dan kemaslahatan ummah serta kedudukan Institusi Beraja.

4. Bagi memastikan KDN memperoleh cadangan dan penyelarasan yang holistik dalam urusan penambahbaikan Arahan Pentadbiran KDN 1986, siri libat urus ini akan diteruskan dengan segmen pemegang taruh yang lain khususnya bersama *Key Opinion Leader*, Majlis Agama Islam Negeri, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dapatan siri libat urus tersebut kelak akan diteliti dan dirumuskan di peringkat KDN dalam bentuk cadangan penambahbaikan Arahan Pentadbiran yang baharu sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri setelah mengambil kira keputusan dasar daripada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, dan Majlis Raja-Raja yang kesemuanya dijadualkan pada tahun 2023.
5. KDN ingin menyatakan komitmen KDN dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam melalui tindakan penyeliaan dan kawalan terhadap penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam dari semasa ke semasa secara berterusan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012 serta Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

## **KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**9 JUN 2023**

---

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media ini sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03-8886 3407 / 8533 / 3406 / 8451 / 8524.